



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH



KERATAN AKHBAR

Penyebar fikiran rakyat
Utusan
MALAYSIA

KERATAN BERTARIKH: 18 DISEMBER 2024

HARI : RABU

RUANGAN: UTUSAN PELAJAR

HALAMAN: 24

GIGI seorang murid
diperiksa dalam Program
Generasi Sihat di Taman
Medan, Petaling Jaya
baru-baru ini. - UTUSAN/
SHIDDEQIIN ZON



Latih kanak-kanak kurangkan gula



MURID-MURID Tabika KEMAS Sri Melati menyertai aktiviti sampingan dalam Program Generasi Sihat.

Oleh NAZIM SYAZWI
utusannews@mediamulla.com.my

PENGANJURAN program Generasi Sihat bagi mengelakkan gula berlebihan dan makanan ultra proses kepada murid Tabika KEMAS Sri Melati yang dianjurkan baru-baru ini memberi signifikan kepada kanak-akan dalam usaha mencegah pengambilan gula berlebihan dalam kalangan kanak-kanak.

Program anjuran Persatuan Martabat Untuk Semua Petaling Jaya (Martabat PJ tersebut bertujuan menjadi satu bentuk intervensi awal mencegah masalah pemakanan seperti kekurangan zat dan obesiti.

Dalam pada itu, guru Tabika KEMAS Sri Melati, Allia Nafisa Abdul Aziz, 34, berkata, program berkenan dilihat efektif dalam memupuk gaya hidup sihat guru, ibu bapa serta pelajar.

Katanya, penglibatan ibu bapa sangat membantu guru



AKTIVITI melukis dalam Program Generasi Sihat di Taman Medan.

menerapkan makanan sihat seperti sayur dan buah-buahan kepada pelajar.

"Guru selalunya susah sikit nak terapkan makan sayur. Kami sudah buat pelbagai cara mereka tetap susah makan.

"Melalui program ini, ibu bapa dapat pengetahuan lanjut dan boleh ajar anak untuk ambil makanan lebih sihat di rumah seperti sayur dan buah sebab mereka lebih rapat," katanya ketika ditemui Utusan Pelajar.